

13/11/2003

Kempen SMS bakal cipta rekod

KUALA LUMPUR: Kempen SMS Terima Kasih Dr Mahathir dan Selamat Datang Datuk Seri Abdullah bakal mencipta rekod dalam Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai penghantaran sistem pesanan ringkas (SMS) terbesar apabila dijangka menerima tiga juta pesanan.

Penganjur kempen yang juga Pengerusi Dataran Ganda Sdn Bhd, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan berkata, semua SMS yang diterima akan dikumpul untuk dibukukan sebelum diserahkan kepada kedua-dua tokoh berkenaan pada 1 Januari tahun depan.

Katanya, kempen yang bermula 17 Oktober dan berakhir pada 31 Disember membolehkan orang ramai menyampaikan penghargaan terhadap kepimpinan Tun Dr Mahathir yang menerajui negara selama 22 tahun.

Pada masa yang sama, orang ramai boleh menyatakan sokongan kepada Abdullah sebagai Perdana Menteri yang kelima.

"Dr Mahathir diiktiraf sebagai bapa Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) membentuk masa depan dalam era digital untuk generasi baru," katanya pada sidang media kempen berkenaan, baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif iNavigate Sdn Bhd, KK Lim dan Pengarah Urusan MBOR, Datuk Danny Ooi.

Kempen SMS Terima Kasih Dr Mahathir dan Selamat Datang Datuk Seri Abdullah adalah anjuran bersama Dataran Ganda Sdn Bhd, iNavigate Sdn Bhd, Starbucks Coffee, BTV Production Sdn Bhd dan Sunrise Berhad.

Kempen turut mendapat sokongan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), MBOR dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Beliau berkata, orang ramai yang berminat menyertai kempen boleh menghantar pesanan mereka dengan menaip DRM untuk ucapan kepada Dr Mahathir dan PAKLAH untuk ucapan kepada Abdullah.

Pelanggan Celcom, Digi dan Maxis boleh menghantar pesanan kepada 32833 dengan caj sebanyak RM1.50.

"Kami menjangka dapat mengumpul RM4.5 juta menerusi pesanan yang dihantar daripada tiga juta pengirim yang akan mengambil bahagian dalam projek ini.

"Sebahagian kutipan akan disalurkan kepada badan kebajikan di sekitar ibu negara," katanya.